

Newspaper	Berita Harian
Date	28 March 2016

BH - 28/3/2016

## Serangan berterusan Dr M dendam peribadi

**Kuala Lumpur:** Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang terus mengkritik dan menyerang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, terbaru ketika berucap di Kongres Rakyat 2016 di Shah Alam, semalam, adalah lebih kepada dendam peribadi.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kritikan dan serangan berterusan Dr Mahathir sejak lebih setahun lalu terhadap Perdana Menteri adalah bersifat peribadi.

"Dr Mahathir kena ingat bahawa beliau juga pernah menjadi Perdana Menteri kita. Bila nak berhenti? Pada saya jika beliau (Dr Mahathir) mahu teruskan perjumpaan macam tadi (semalam)... sila teruskan.

"Jika beliau mahu mengadakan perhimpunan pun silakan tetapi jangan sampai menimbulkan huru-hara dan menjejaskan keselamatan negara," katanya ketika ditemui selepas menutup program 'The Straight Path Convention: The Major Obstacle' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

**Rakyat jadi penentu**  
Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan, berkata beliau yakin tindakan Dr Mahathir itu tidak menggambarkan suara majoriti rakyat Malaysia.

"Kita juga kena ingat bahawa akhirnya rakyat yang bakal menjadi penentu jatuh bangun sesebuah kerajaan atau pemimpin di negara ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin berkata Malaysia tidak bercadang menggunakan pendekatan ketenteraan dalam menangani isu pencerobohan lebih 100 bot dan kapal nelayan bersama kapal pengawal pantai China di perairan Miri, Sarawak, baru-baru ini.

Hishammuddin berkata, pihaknya akan menghubungi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi mengesahkan laporan kejadian itu sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.

**"Dr Mahathir kena ingat bahawa beliau juga pernah menjadi Perdana Menteri kita. Bila nak berhenti? Pada saya jika beliau (Dr Mahathir) mahu teruskan perjumpaan macam tadi (semalam)... sila teruskan"**

**Hishammuddin Hussein,**  
Naib Presiden UMNO